



27 SEP, 2023

## Harga sederhana arang batu perkukuh kewangan TNB



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Harga sederhana arang batu perkukuh kewangan TNB



**Trend positif pengurangan ICPT perkukuh modal kerja, tingkat aliran tunai syarikat**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Tenaga Nasional Bhd** (TNB) dijangka mengalami trend positif pengurangan dalam terimaikan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) berikutan harga sederhana arang batu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Indera Ir Baharin Din, berkata perkembangan itu secara ketara mengukuhkan modal kerja syarikat utiliti nasional itu, sekali gus meningkatkan aliran tunai dan memperbaiki tahap penggearan atau nisbah hutang kepada ekuiti pada tahun ini.

Katanya, pengurangan harga arang batu global, digabungkan

dengan pendekatan proaktif TNB untuk meningkatkan kutipan hasil, telah meletakkan prospek aliran tunai lebih baik kepada syarikat dan ia juga disokong oleh pinjaman RM6 bilion yang dijamin kerajaan untuk menstabilkan industri tenaga.

"Pengurusan berhemah kewangan TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada pelarasan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI)," katanya pada taklimat kepada penganalisis mengenai

keputusan kewangan suku kedua kumpulan.

Sementara itu, TNB berkata, penambahbaikan dalam akaun ICPT digariskan oleh pemulihan kos ICPT sebanyak RM10.4 bilion bagi tempoh Januari hingga Jun 2023.

### Komitmen berterusan

Ia menunjukkan komitmen berterusan kerajaan terhadap rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Inisiatif (IBR) dan mekanisme ICPT untuk 18 kitaran sejak 2015.

Tambahan pula, ia dijangka akan memperoleh semula RM4.7 bilion kos ICPT daripada kerajaan

pada separuh kedua tahun ini.

Berdasarkan arah aliran haraga bahan api semasa, TNB menganggarkan pemulihan kira-kira RM 7 bilion daripada ICPT bagi separuh pertama tahun kewangan 2024.

Perspektif masa hadapan itu mencerminkan pendekatan proaktif TNB dalam mengurangi prospek kewargannya dan mengawal perbelanjaan berkaitan bahan api.

Walaupun menghadapi cabaran yang berpunca margin negatif bahan api negatif dan turun naik pertukaran asing, TNB melaporkan prestasi membanggakan dalam persekitaran yang mendesak dalam tempoh separuh pertama 2023.

Dalam tempoh itu, TNB melaporkan keuntungan selepas cukai (PAT) sebanyak RM1.2 bilion, manakala hasil menyaksikan peningkatan 3.8 peratus kepada RM25.95 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2022.

Keupayaan TNB untuk mengharungi keadaan mencabar sebegini dan mencatat pencapaian kewangan sedemikian penting, menonjolkan daya tahan dan wawasan strategiknya dalam sektor tenaga.

**“ Pengurusan berhemah kewangan TNB ini membolehkan syarikat memberi ganjaran kepada pemegang saham dengan dividen interim sebanyak 18 sen, yang merangkumi 49.4 peratus daripada pelarasan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI)”**

**Baharin Din,**  
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB

